

Perutusan Pak Lah disokong tiga pemimpin dunia

BH - 22/4/2004, m/s: 2

NEW YORK: Perutusan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada lima anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai mewakili Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai Iraq dan Palestin mendapat reaksi positif tiga pemimpin anggota terbabit.

Presiden Perancis, Jacques Chirac; Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden China, Hu Jintao memberikan reaksi menyokong pandangan Abdullah tetapi dalam urusan berkaitan isu diplomatik membabitkan isu Iraq dan Palestin, Presiden George W Bush memiliki kuasa veto dalam Majlis Keselamatan itu.

Sikap membisu Perdana Menteri Britain, Tony Blair mungkin menjadi isyarat Britain sentiasa bersama-sama Amerika Syarikat dalam isu itu walau-

pun tiga negara anggota tetap majlis itu tidak bersetuju.

Jurucakap Majlis Keselamatan PBB memberitahu Umno online, surat Abdullah dibincangkan secara tidak rasmi di kalangan ahli majlis itu berdasarkan peranan Malaysia sebagai Pengerusi NAM dan OIC.

"Surat Perdana Menteri Malaysia diberi perhatian serius oleh Perancis, Russia dan China, tetapi Britain dan Amerika belum memberikan maklum balas. Sebarang keputusan mengenai tidak boleh diputuskan tanpa maklum balas Amerika dan Britain.

"Bagaimanapun, Majlis Keselamatan tetap akan membincangkannya secara terperinci," katanya.

Perdana Menteri dalam suratnya berkata, perkembangan di Asia Barat mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Kenyataan Pejabat Perdana Men-

teri, Sabtu lalu, menyebutkan surat berkaitan perkembangan di Iraq bertarikh 14 April dihantar kepada Bush, Blair, Chirac, Putin dan Hu.

Dalam surat itu, Abdullah berharap rancangan Pihak Berkuasa Perikatan Sementara untuk mengembalikan ke-aulatan penuh Iraq dan rakyatnya tidak akan terjejas ekoran perkembangan terbaru itu.

Beliau juga menyatakan kebimbangan dengan perkembangan terkini di Iraq yang memudaratkan keselamatan di negara itu dan rasa sedih kerana tiada penghujung bagi kesengsaraan rakyat di Iraq.

Sebagai Pengerusi NAM dan OIC, Perdana Menteri berkata, Malaysia mahu melihat keganasan dihentikan segera dan kestabilan dikembalikan di semua bahagian Iraq.

Perdana Menteri mengakhiri surat itu dengan berkata, sudah tiba masanya

masyarakat antarabangsa memberi pertimbangan serius kepada PBB untuk memainkan peranan utama dalam hal ehwal Iraq. Abdullah juga mencadangkan lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB menyokong langkah untuk membawa perubahan.

Beliau juga menyatakan kebimbangannya mengenai Palestin dalam surat berasingan bertarikh 16 April kepada Bush, Blair, Putin dan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan.

Perdana Menteri mengulangi komitmen Malaysia merealisasikan wawasan penubuhan negara Palestin yang bebas dan wujud bersebelahan Israel dengan sempadan yang sah dan diiktiraf seperti dalam peta jalan keamanan bagi Asia Barat.

Pada masa sama, Abdullah memandang berat sokongan yang dihulurkan Bush kepada rancangan pengunduran yang dicadangkan Perdana Men-

teri Israel, Ariel Sharon, sewaktu lawatannya ke Washington, baru-baru ini.

Dalam surat itu Perdana Menteri menyeru semua pihak mencari satu penyelesaian yang menyeluruh, adil dan mampu bertahan.

Beliau menekankan rakyat Palestin perlu turut terbabit dalam perbincangan itu kerana ia membabitkan kepentingan mereka.

Sementara itu, jurucakap Kementerian Luar Russia di Moscow memberitahu Umno online, Putin bertekad memberi kerjasama baik dan erat dengan Kerajaan Malaysia berhubung kedua-dua isu itu.

Katanya, hubungan baik Moscow-Kuala Lumpur dalam konteks kerjasama diplomatik dan politik sejagat membolehkan Russia sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB mengemukakan maklum balas yang menjurus kepada 'hasil yang baik'.